

BAB TUJUH

KESIMPULAN : PETANI PINDAH DALAM ARUS PERUBAHAN

Bab awal telah membincarakan keadaan petani pindah kaum Rungus di Daerah Kudat daripada pelbagai aspek seperti kegiatan pertanian pindah itu sendiri, masalah kegiatan pertanian pindah, isu kemiskinan petani pindah serta isu-isu pembangunan yang berlaku di persekitaran para petani pindah. Bab ini akan meninjau keseluruhan perbincangan yang telah dilakukan untuk mendapatkan satu kesimpulan dan gambaran yang menyeluruh mengenai petani pindah dan masalah kemiskinan yang mereka hadapi.

Kita tidak dapat menafikan bahawa semenjak negara mengecap nikmat kemerdekaan, pembangunan yang pesat telah berlaku. Pelancaran dan pelaksanaan pelbagai dasar pembangunan telah membayangi kemakmuran ekonomi yang dinikmati oleh sebahagian besar rakyat. Bagaimanapun dalam masa yang sama, kita juga tidak dapat menafikan bahawa memang terdapat masyarakat yang tercicir dari arus pembangunan tersebut. Keadaan ini menyebabkan terdapat poket atau "residue" terutama di kalangan masyarakat minoriti seperti orang Rungus yang masih miskin. "Pocket" ini ujud mungkin disebabkan dasar pembangunan yang kurang memberi perhatian ke atas golongan minoriti. Golongan ini dilihat sebagai tidak mampu memberikan apa-apa sumbangan yang bermakna ke atas pertumbuhan ekonomi mahupun dalam mempengaruhi keputusan politik kepartian.

Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang terkenal dengan serampang dua mata, memang jelas telah berjaya mengurangkan masalah kemiskinan di negara ini. Selain itu, DEB juga

telah dapat mempengaruhi perubahan komposisi penduduk (kaum) yang sebelum ini mempunyai sempadan-sempadan ekonomi yang jelas mengikut kumpulan etnik. Kegagalan DEB bagaimanapun jelas berlaku apabila memperkatakan masyarakat minoriti yang bukan sahaja kecil dari segi bilangannya tetapi juga merupakan 'minoriti' daripada segi kegiatan ekonomi. Bahkan kegiatan pertanian pindah yang dijalankan oleh kaum Rungus dianggap 'merosakkan' alam sekitar dan tidak ekonomik.

Keadaan ini sebenarnya melahirkan satu dilema kepada proses pembangunan kaum Rungus. Masyarakat ini miskin dan sepatutnya mendapat pembelaan sewajarnya daripada pemerintah tetapi dalam masa yang sama mereka juga adalah minoriti yang mana dalam proses pemerintahan demokrasi, peranan mereka adalah amat terhad. Pengkaji berpendapat pihak pemerintah telah cuba memainkan peranan untuk membela nasib mereka walaupun usaha tersebut masih kurang berhasil. Kajian ini menunjukkan antara sebab terpenting kegagalan usaha-usaha ini ialah terabainya usaha untuk memahami keadaan sebenar sosioekonomi masyarakat ini. Selama ini, kefahaman tersebut adalah ditimba daripada kecenderungan untuk mengeneralisasikan keadaan miskin sebagai sama di antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Antara generalisasi ini ialah melihat stereotaip orang miskin sebagai, tiada pendapatan dan pekerjaan tetap, tidak menikmati pelbagai kemudahan moden, tidak mempunyai sebarang simpanan dan terlibat dengan kegiatan kolar biru. Tidak dapat dinafikan bahawa stereotaip ini tepat bagi sesetengah masyarakat tetapi tidak bermakna boleh digunakan untuk mengeneralisasikan semua keadaan miskin.

Kajian ini mendapati, pengetahuan dan kefahaman yang jelas mengenai status kemiskinan masyarakat Rungus mampu memberikan penjelasan yang lebih baik daripada sekadar memberikan satu senarai generalisasi yang umum. Jika persoalan "adakah Rungus miskin?" ditimbulkan, jawapannya ada dua iaitu ya dan tidak. Adalah jelas bahawa dalam mana-mana ukuran kemiskinan (mutlak atau relatif), masyarakat ini memang berhadapan dengan masalah kemiskinan. Pendapatan (tunai) bulanan mereka hanya sekitar RM150.00 dan pendapatan ini tidak tetap. Jika dilihat pula dari ukuran relatif, para petani jelas mengalami berbagai kekurangan dari segi perumahan, pendidikan, kesihatan, pemakanan, pengangkutan dan sebagainya.

Bagaimanapun kajian ini telah membuktikan bahawa walaupun pada ukuran kemiskinan moden jelas membuktikan mereka adalah miskin tetapi dalam masa yang sama, mereka juga mempunyai rasional tersendiri di sebalik isu kemiskinan yang dilabelkan ke atas mereka. Anggapan bahawa masyarakat petani pindah tidak ada pendapatan yang tetap dan tahap pendapatan mereka rendah memang benar, tetapi ini tidak bermakna mereka tidak ada simpanan. Kajian ini mendapati bahawa sebilangan besar petani pindah mempunyai simpanan dalam bentuk barang kebudayaan yang nilai pasarnanya mencecah RM5,000.00 hingga RM30,000. Mereka juga menikmati pemilikan tanah individu (keluarga) yang agak luas iaitu purata 21.95 ekar (8.88 hektar). Ringkasnya, mereka mempunyai aset yang boleh mendatangkan hasil apabila diperlukan. Dua penemuan ini adalah faktor yang membezakan 'kemiskinan' kaum Rungus dengan kemiskinan beberapa kumpulan masyarakat yang lain seperti Orang Asli (lihat Juli Edo, 1995) golongan miskin di bandar (lihat Fong Chan Onn,1984) pekebun kecil dan nelayan tradisional (lihat Lee E.,1976) Dalam masa yang sama faktor-faktor ini mungkin

menyamakan status kemiskinan kaum Rungus dengan beberapa lagi kaum di Sabah dan Sarawak yang turut menjalankan kegiatan pertanian pindah.

Penemuan-penemuan tersebut merupakan satu isyarat bahawa isu kemiskinan perlu juga dilihat bukan setakat dengan menyatakan 'apa yang mereka tiada' (sebagaimana dalam ukuran mutlak dan relatif) tetapi juga harus melihat daripada aspek 'apa yang mereka ada' serta cara mereka menguruskan aset yang mereka miliki.. Walaupun pendekatan ini kurang sesuai digunakan terhadap kajian ke atas status kemiskinan golongan miskin yang telah diketahui umum (seperti golongan miskin di bandar) namun, pendekatan ini boleh membantu untuk memahami dengan lebih kritis isu kemiskinan ke atas golongan miskin yang relatifnya belum difahami secara lebih mendalam.

Diperhatikan juga bahawa kebudayaan tradisional terus dianggap sebagai satu elemen yang penting dalam kehidupan serta menyumbang kepadakekayaan serta kestabilan hidup mereka. Walaupun amalan-amalan tradisional terutama yang mempunyai hubungan dengan kepercayaan semakin dilupakan namun pegangan terhadap adat resam masih dipertahankan. Keteguhan pegangan ini dapat dilihat dalam organisasi sosiopolitik, sistem pemilikan, pewarisan dan adat istiadat. Oleh itu adalah sesuatu yang tidak menghairankan apabila pengaruh budaya bukan sahaja menjadi satu bentuk kawalan sosial malah juga merupakan satu mekanisme bagi mereka menghadapi perubahan persekitaran mereka. Mekanisme ini seterusnya akan menjelaskan bagaimana reaksi masyarakat ini apabila berhadapan dengan perubahan ekonomi yang berterusan di persekitaran mereka. Dalam pada itu, kesediaan orang Rungus menerima kebanyakan

program yang bertujuan untuk membangunkan mereka menunjukkan latar belakang tradisional tidak semestinya boleh menghalang pemodenan dalam sesebuah masyarakat sebagaimana yang ditegaskan oleh pendokong teori modeniti.

Hasil kajian menunjukkan , tidak ada satu teori yang boleh digunakan untuk memahami kemiskinan masyarakat Rungus. Walau bagaimanapun teori kemiskinan yang berlandaskan penjelasan budaya nampaknya lebih tepat berbanding dengan teori kemiskinan penjelasan "structural". Latar belakang kawasan kajian yang lebih rapat kepada ciri masyarakat tradisional serta kegiatan ekonomi tradisional yang mereka jalankan merupakan dasar yang kukuh untuk menerima penjelasan budaya sebagai punca kemiskinan mereka. Bagaimanapun penjelasan budaya dalam hal ini mempunyai kelainan daripada penjelasan-penjelasan budaya yang dibincangkan dalam Bab 2. Penemuan dari kajian menunjukkan bahawa unsur-unsur budaya lebih mempengaruhi persepsi, keputusan-keputusan ekonomi dan tindakan mereka berbanding dengan pengaruh unsur-unsur lain. Keberkesanan penjelasan budaya ini terbukti dalam beberapa penemuan berikut.

Persepsi kemiskinan bagi masyarakat Rungus sebenarnya amat berbeza dengan persepsi status kemiskinan sebagai mana yang difahami oleh masyarakat moden. Bagi masyarakat Rungus ada dua faktor yang menyebabkan seseorang itu miskin iaitu keupayaan membuka tagad dan status keluarga seseorang. Keupayaan seseorang membuka tagad yang luas membolehkannya mempunyai lebihan pengeluaran padi yang boleh ditukarkan kepada barang-barang kebudayaan. Oleh itu seseorang yang sering mempunyai lebihan padi akan berpeluang mengumpul "kekayaan' berbanding dengan

individu yang jarang mempunyai lebihan padi malah mungkin selalu kekurangan padi. Individu yang sering kekurangan padi ini dianggap sebagai miskin dalam masyarakat tradisional Rungus.

Selain itu, kehadiran saudara mara juga memainkan peranan yang besar dalam menentukan status miskin atau tidaknya seseorang. Individu yang hidup tanpa saudara mara yang berdekatan seperti anak yatim (*usan-usan*) atau seorang balu (*bituanon aso tanak*) tanpa anak adalah keadaan yang turut dilihat sebagai punca kemiskinan seseorang. Ini kerana kedudukan sebagai anak yatim dan balu tersebut tidak memungkinkan seseorang itu dapat membuka *tagad* secara produktif kerana mereka tidak mempunyai keupayaan tenaga yang mencukupi sebagaimana yang terdapat pada pasangan suami isteri dan anak-anak. Bagaimanapun masyarakat setempat akan sentiasa berusaha untuk menjamin survival mereka dengan mendermakan beras, mengambil mereka sebagai pekerja tambahan di *tagad* dan mereka akan diupah dengan padi, jagung, sayur-sayuran atau hasil keluaran *tagad* yang lain. Status sebagai 'orang miskin' di kampung berkenaan bagaimanapun akan terus menjadi label mereka.

Pengaruh hasil padi dan kehadiran saudara mara ini begitu kuat sekali hingga pada hari ini. Mungkin ramai yang akan menjangka bahawa pada hari ini pendapat sedemikian telah dilupakan dan sebaliknya wang ringgit dijadikan oleh mereka sebagai penentu hidup senang atau susah. Penemuan dalam kajian ini bagaimanapun menyatakan sebaliknya. Walaupun ada diantara mereka menyatakan hidup mereka susah kerana wang yang sedikit atau tiada wang tetapi didapati ramai juga yang berpendapat bahawa mereka merasa hidup mereka senang walaupun tanpa wang yang banyak atau tiada wang. (rujuk

Jadual 5.1). Dengan perkataan lain, ramai di kalangan mereka yang melihat wang sebagai satu keperluan tambahan semata-mata dan bukannya satu keperluan wajib sebagaimana padi dan kehadiran ahli keluarga di sekeliling mereka. Dalam pada itu, pemilikan tanah persendirian juga dilihat sebagai satu indeks penting untuk menilai status kemiskinan seseorang pada hari ini. Perbezaan tanggapan terhadap makna kemiskinan di antara masyarakat moden dan masyarakat tradisional pada akhirnya menimbulkan satu tanda tanya tentang status kemiskinan sebenar masyarakat petani pindah.

Nilai, sikap dan tingkahlaku mereka juga begitu dipengaruhi oleh pertimbangan-pertimbangan tradisional (budaya). Keadaan ini dapat diperhatikan dalam perkara-perkara seperti prioriti ke atas beberapa keputusan dan tindakan, sikap terhadap amalan menyimpan dan akhir sekali sikap terhadap inovasi dan perubahan.

Prioriti petani ke atas jenis-jenis tanaman di *tagad* didapati begitu kuat dipengaruhi oleh pertimbangan kebudayaan. Mereka menanam sesuatu tanaman (selain daripada padi) adalah semata-mata bertujuan untuk kegunaan sendiri dan hanya sebahagian kecil daripada mereka yang menanamnya untuk tujuan jualan. Walaupun terdapat amalan menyimpan di kalangan para petani didapati simpanan yang menjadi keutamaan para petani ialah simpanan dalam bentuk barang kebudayaan. Simpanan dalam bentuk tunai amat jarang atau tiada dilakukan. Keadaan ini juga dipengaruhi oleh kebudayaan yang tidak melihat wang sebagai satu keperluan penting berbanding dengan keperluan padi. Jika ada simpanan tunai, simpanan ini akan digunakan untuk maksud-maksud jangka pendek dan jarang sekali simpanan ini menjadi satu bentuk pelaburan ataupun modal untuk memulakan satu kegiatan ekonomi yang lain.

Bagaimanapun, untuk tujuan perbelanjaan harian yang mendesak, mereka sanggup menjual barang-barang budaya tersebut untuk menampung keperluan tunai. Perbelanjaan ini adalah seperti perbelanjaan perubatan, yuran peperiksaan anak di sekolah dan perbelanjaan pengurusan sekiranya anak melanjutkan pelajaran ke universiti. Namun begitu, simpanan dalam bentuk barang kebudayaan biasanya tidak digunakan untuk tujuan modal ataupun pelaburan untuk mengaut keuntungan daripda aset tersebut. Pada keseluruhannya prioriti mereka ke atas keputusan-keputusan ekonomi ialah mengeluarkan atau mendapatkan sesuatu semata-mata untuk keperluan sendiri (bukan untuk dijual), untuk survival dan sebagai satu bentuk simbol status . Pertimbangan untuk masa depan kurang diberikan perhatian.

Sikap dan penerimaan para petani dalam inovasi kegiatan pertanian juga masih kuat dipengaruhi oleh pertimbangan-pertimbangan budaya. Didapati masih ramai yang mahu terus kekal sebagai petani pindah malah ada di antara mereka yang menunjukkan keinginan untuk mewariskan pekerjaan petani pindah kepada anak-anak mereka. Percubaan pengkaji untuk meminta mereka menanam sesuatu yang baru mendapat pelbagai reaksi yang mana sebahagiannya menolak untuk mencuba dan sebahagian besar lagi mencuba dengan perasaan ragu-ragu. Keadaan-keadaan yang ditunjukkan dalam prioriti umum, amalan menyimpan dan sikap dan penerimaan terhadap inovasi jelas menunjukkan terdapatnya pengaruh budaya dalam isu kemiskinan yang mereka hadapi.

Kekuatan pengaruh budaya ini bagaimanapun tidak bermakna bahawa penjelasan kemiskinan secara "structural" langsung tidak berlaku. Seperti yang dijelaskan lebih awal, sebagai sebuah masyarakat yang minoriti, secara relatifnya perhatian pihak

pemerintah untuk membangunkan mereka secara relatifnya lebih kecil berbanding dengan masyarakat yang majoriti. Agihan peluang yang tidak sama rata juga berlaku akibat sebaran perkhidmatan agen perubahan dan pembangunan yang tidak seimbang seperti peluang untuk bersekolah dan peluang menikmati pelbagai kemudahan infrastruktur seperti jalanraya yang baik, bekalan air dan bekalan elektrik. Selain dari itu faktor fizikal dan lokasi juga menyebabkan kegagalan agihan peluang secara sama rata. Penjelasan struktur ini bagaimanapun hanya menjelaskan sebahagian kecil isu kemiskinan yang dihadapi oleh petani pindah.

Idea-idea tradisional yang beranggapan bahawa 'kemewahan' dan kehidupan yang selesa terhad kepada perolehan hasil-hasil pertanian sahaja mungkin benar seandainya perubahan sekeliling tidak berlaku. Bagaimanapun perubahan sekitar menuntut lebih daripada padi dan barang-barang kebudayaan sahaja. Mereka terpaksa membuat perubahan persepsi, sikap, prioriti kegiatan ekonomi, corak perbelanjaan, bentuk simpanan dan wawasan dan cita-cita supaya sesuai dengan arus pembangunan. Pendeknya, mentaliti harus berubah mengikut perubahan semasa.

Isyarat yang menuntut perubahan mentaliti para petani telah mula kelihatan dalam dua aspek kehidupan mereka. Aspek yang dimaksudkan ialah masalah yang mereka hadapi dalam kegiatan pertanian pindah dan bertambahnya keperluan tunai yang dirangsangkan oleh perubahan cara hidup dan persekitaran mereka.

Walaupun kegiatan pertanian pindah masih giat dijalankan pada masa ini, para petani sebenarnya semakin terhimpit dengan masalah yang datang satu persatu. Selain

daripada masalah-masalah yang sudah sedia maklum seperti ancaman perosak dan bencana alam, mereka juga berhadapan dengan masalah yang disebabkan oleh tekanan pertambahan penduduk. Ini menyebabkan masalah kekurangan tanah untuk tujuan pertanian pindah semakin dirasakan. Keadaan ini dibuktikan dengan jarak *tagad* dari rumah yang semakin jauh dan usia hutan yang ditebang juga belum sampai ke peringkat yang matang. Jarak perjalanan ke *tagad* yang semakin jauh ini menyebabkan kegiatan ini tidak ekonomik dari segi pengurusan masa kerana banyak masa digunakan untuk berulang-alik ke *tagad* lebih-lebih lagi kegiatan ini memerlukan tenaga kerja manusia yang banyak. Selain daripada itu, hutan yang tidak matang bukan sahaja menyebabkan hasil padi per-ekar merosot tetapi juga meningkatkan kos penyelenggaraan ladang iaitu terpaksa pula membeli racun rumpai untuk meminimumkan gangguan rumpai yang tumbuh lebih padat di *tagad* yang tidak matang.

Selain daripada masalah jarak dan kematangan hutan ini, para petani sendiri juga telah mula merungut tentang kesan buruk pokok *Acacia mangium* yang ditanam oleh pihak SAFODA terhadap kualiti tanah pertanian. Walaupun rungutan ini belum dapat dibuktikan secara hitam putih, namun jika diambilkira pengetahuan dan kepekaan para petani terhadap kualiti tanah, maka adalah wajar bagi pihak-pihak tertentu menjalankan penyelidikan selanjutnya.

Perubahan yang jelas dalam corak perbelanjaan juga telah menyebabkan keperluan tunai lebih mendesak berbanding dua atau tiga dekad yang lalu. Secara tradisionalnya, hampir semua barang keperluan mereka keluarkan sendiri. Jika ada keperluan yang tidak dapat dikeluarkan sendiri mereka akan menggunakan perdagangan

tukar barang. Sebaliknya, pada hari ini banyak keperluan yang memerlukan penggunaan wang. Malah keperluan asas iaitu makanan (padi) yang mereka keluarkan sendiri sering didapati tidak mencukupi, menyebabkan mereka terpaksa membeli beras untuk menampung kekurangan padi sebelum hasil tahun berikutnya dituai. Kajian ini mendapati, keperluan makanan merupakan perbelanjaan harian terpenting. Selain daripada keperluan makanan, perbelanjaan persekolahan anak-anak juga semakin menuntut perhatian iaitu perbelanjaan harian kedua terpenting selepas makanan. Terdapat dua kesimpulan yang boleh diterbitkan daripada peningkatan keperluan perbelanjaan persekolahan ini iaitu; pertama, kesedaran tentang pentingnya pendidikan untuk menjamin masa depan anak-anak semakin bertapak di kalangan orang-orang Rungus. Kedua, perbelanjaan persekolahan yang semakin mendesak menunjukkan bahawa masyarakat ini sedang bertungkus-lumus untuk mengejar perubahan khususnya dalam bidang pembangunan manusia. Seperti masalah semasa yang dialami dalam kegiatan pertanian pindah, keperluan-keperluan tunai yang semakin mendesak ini juga menjadi satu isyarat bahawa pada akhirnya nanti, para petani terpaksa menerima hakikat bahawa walaupun pada umumnya mereka masih mengamalkan kegiatan ekonomi tradisional, ini tidak pula bermakna mereka terasing sama sekali dengan pengaruh ekonomi moden.

Peluang mendapatkan pendidikan yang semakin terbuka telah membolehkan kebanyakan anak muda melangkah ke bidang kerjaya selain daripada petani pindah. Keupayaan mereka memberikan sokongan kewangan kepada ibubapa mereka (di kampung) telah menyebabkan generasi lama (termasuk ibu bapa) memberikan galakan secara tidak langsung kepada anak mereka untuk mencari pekerjaan tetap di bandar samada di sektor kerajaan atau swasta. Kecenderungan ini juga menyebabkan kegiatan

pertanian pindah semakin tercicir daripada senarai kerjaya masa depan generasi muda. Pendeknya kedua-dua pihak saling memahami era masing-masing. Ibu bapa yang berpendidikan rendah atau tidak berpendidikan, meneruskan kegiatan pertanian pindah setakat mana yang mampu sambil mengharapkan anak-anak mereka dapat memberikan sokongan dalam bentuk wang tunai. Keadaan ini menunjukkan sekali lagi bahawa hubungan kekeluargaan bukan setakat menceritakan persanakan mereka tetapi juga menjadi satu institusi penting dalam menangani cabaran perubahan.

Sementara di pihak ibu bapa pula, meningkatnya kegiatan ekonomi yang berorientasikan tunai seperti pembuatan kraftangan, penjualan nira kelapa, kegiatan pelancongan dan perniagaan runcit menunjukkan bahawa keperluan tunai semakin penting. Keadaan ini juga menunjukkan bahawa telah terdapat tanda-tanda kesediaan orang Rungus untuk melalui proses peralihan daripada ekonomi tradisional ke ekonomi tunai. Namun begitu, walaupun tanda-tanda kesediaan ini telah mula kelihatan kepada segelintir petani, tidak juga dapat dinafikan bahawa para petani sebenarnya sedang berhadapan dengan dilema. Pengkaji berpendapat bahawa para petani memang menyedari bahawa pertanian pindah tidak mungkin akan menjadi kegiatan ekonomi mereka atau generasi berikut untuk selama-lamanya. Dilema dalam soal meneruskan atau tidak kegiatan ini kalau ada, tidaklah begitu dirasakan. Dilema sebenar yang mereka hadapi pada masa ini ialah, masalah mereka untuk menghadapi kederasan arus perubahan ekonomi persekitaran dengan berbekalkan pendidikan serta pengalaman menanganinya yang amat terhad. Pendidikan yang diperolehi oleh anak-anak pula, belum sampai ke peringkat mampu memberikan dimensi baru kepada kegiatan ekonomi ibu bapa mereka. Umpamanya menyediakan⁴ modal untuk memulakan projek menternak ayam dan

sebagainya. Pada peringkat ini penglibatan anak-anak yang bekerja dalam membantu ibu bapa hanya berperanan sebagai 'meringankan' tanggungan kewangan ibu bapa di kampung. Malah, golongan muda yang bekerja di bandar ini berpotensi menjadi orang miskin di bandar pula kerana perbelanjaan harian mereka bergantung sepenuhnya kepada pendapatan bulanan yang belum tentu mencukupi.

Dalam keadaan ini campurtangan agen-agen pembangunan dalam usaha membimbing mereka menangani perubahan ini amatlah diperlukan. Prestasi empat agen pembangunan di kawasan kajian bagaimanapun masih kurang menggalakkan. Kejayaan agen-agen ini dalam menjalankan peranan mereka memang sukar dipertikaikan. Namun apabila masuk ke persoalan kejayaan meningkatkan pendapatan kumpulan sasaran, pencapaian adalah masih terlalu sedikit untuk dibanggakan. Pendekatan "top-down" yang digunakan oleh agen pembangunan di kawasan kajian dalam banyak kes sering mengalami kegagalan. Karenah birokrasi dalam program pembangunan masyarakat luar bandar menyebabkan para petani hanya berperanan sebagai subjek pasif pembangunan. Petani sebenarnya menunjukkan minat untuk menyertai projek pembangunan tetapi kebanyak projek pembangunan yang disalurkan bukan sahaja gagal meningkatkan pendapatan mereka tetapi juga didapati tidak sesuai dengan keadaan mereka yang sedang dalam proses peralihan dari ekonomi tradisional ke ekonomi moden. Sebagai contohnya program pemberian benih kelapa mawa. Pihak berkenaan nampaknya hanya melihat tempoh singkat kelapa ini berbuah sebagai satu kelebihan berbanding dengan kelapa biasa. Satu-satunya kelebihan ini telah digunakan untuk menggalakkan para petani menanam kelapa mawa. Bagaimanapun, pihak berkenaan gagal mengambil kira bahawa saiz buah kelapa mawa yang lebih kecil menyebabkan kerja mengeringkan kelapa ini

memerlukan tenaga hampir dua kali ganda daripada mengerjakan kelapa biasa untuk mendapatkan jumlah berat yang sama. Selain daripada itu kelapa mawa juga tidak tahan api yang menyebabkan tanah yang ditanam dengannya tidak dapat digunakan untuk tujuan pertanian pindah. Sifat kelapa mawa ini sebenarnya kurang sesuai untuk seorang petani pindah. Bagi program ternakan madu lebah, telah berlaku kes mencampur air ke dalam madu lebah. Ini berlaku kerana penternak mahu menambahkan kuantiti jualan untuk mendapatkan lebih banyak pendapatan. Perkara ini harus menjadi pengajaran kepada semua pihak. Kepada para penternak madu lebah (yang juga merupakan petani pindah), perbuatan ini hanya akan mendatangkan keuntungan jangka pendek serta membawa banyak keburukan kepada masa depan perniagaan ini. Sebaliknya di pihak KPD pula, kejadian ini harus dilihat sebagai satu isyarat bahawa para penternak madu lebah merasa tidak puashati dengan harga yang KPD tawarkan. Dengan melihat perkara ini dari sudut yang lebih positif KPD sudah tentu dapat memperbaiki rekodnya dalam usaha meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar walaupun ini juga mungkin bermakna KPD sendiri akan mendapat keuntungan yang berkurangan. Salah faham yang timbul daripada pemberian percuma anak-anak itik juga menunjukkan bahawa pendekatan “top down” amat terdedah kepada kelemahan-kelemahan pelaksanaan seperti kurang teliti, melaksanakan tugas secara sambil-lewa serta gagal mengantisipasi masalah program pembangunan yang dijalankan menyebabkan tindakan susulan lambat dilakukan.

Kumpulan sasaran sering diletakkan sebagai pihak yang bertanggungjawab terhadap kegagalan program pembangunan. Sesetengah kenyataan ini memang berasas dan wajar diterima dan difikirkan. Kumpulan sasaran boleh memperbaiki keadaan ini

dengan berfikiran lebih terbuka untuk menerima inovasi, menghilangkan sikap terlalu bergantung kepada kerajaan, berani menghadapi risiko dan bertindak lebih rasional dalam membuat keputusan ekonomi. Taraf pendidikan yang rendah di kalangan kumpulan sasar biasanya masalah yang dihadapi oleh agen-agen pembangunan khususnya apabila berhadapan dengan masyarakat tradisional di luar bandar. Bagaimanapun adalah penting bagi mana-mana agen pembangunan untuk berusaha memahami terlebih dahulu situasi tempatan dengan teliti sebelum melakukan sebarang perubahan. Kefahaman teliti ini seharusnya bukan setakat mengetahui maklumat sosio-ekonomi bahkan juga harus memahami juga aspirasi, harapan dan cita-cita masyarakat setempat. Pendekatan ini akan membolehkan kumpulan sasaran mengambil bahagian secara pro-aktif ke atas program yang bakal mereka pertai. Kefahaman yang menyeluruh ini boleh menjadi faktor penting menentukan kejayaan sesebuah program pembangunan.

Pembangunan institusi pendidikan terus menjadi agen perubahan yang penting. Bermula dengan usaha-usaha mubahalih Kristian dan seterusnya usaha Kementerian Pendidikan Malaysia, pembangunan manusia telah mula menampakkan hasil di kedua-dua kawasan kajian. Kadar kenal huruf telah meningkat begitu juga dengan peningkatan jumlah pelajar yang berjaya melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat universiti. Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa pencapaian anak-anak dalam pendidikan merupakan dorongan yang kuat bagi mereka untuk menerima dan menuntut perubahan. Pendidikan telah memberikan satu dimensi baru dalam keputusan-keputusan yang mereka lakukan yang mana sebelum ini sentiasa dibayangi oleh pertimbangan-pertimbangan tradisional. Kesanggupan untuk berhijrah keluar daripada lingkungan perkampungan untuk mengejar kerjaya atau pun melanjutkan pelajaran adalah tanda-

tanda yang paling jelas menunjukkan kesanggupan dan keinginan mereka menerima perubahan.

Bagi golongan muda yang telah tamat pengajian dan bakal atau telah mempunyai kerjaya sendiri, pekerjaan sebagai petani pindah tidak mungkin akan mereka teruskan lagi. Golongan ini dijangka mempunyai pendapatan yang lebih baik untuk membolehkan generasi berikutnya mempunyai biaya yang lebih mencukupi untuk merebut peluang-peluang pendidikan yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, bukan semua generasi baru yang mempunyai pekerjaan (bukan petani pindah) menikmati kehidupan yang lebih baik daripada petani pindah. Ramai juga di kalangan mereka yang terlibat dengan pekerjaan kolar biru. Keadaan ini berlaku kerana pencapaian pendidikan tidak setimpal dengan keghairahan mengejar perubahan. Kepada golongan ini, andainya masa depan tidak dirancang dengan berhati-hati, kemungkinan untuk mereka terlibat dengan pekerjaan sebagai petani selepas bersara tetap ada. Sikap untuk menabung dan berusaha meningkatkan kemahiran adalah antara jalan yang boleh diambil untuk menjamin masa depan yang lebih baik bagi mereka dan generasi seterusnya. Jika tidak, mereka boleh menjadi golongan miskin di bandar.

Pada masa pendidikan dianggap sebagai penjana pembangunan dan perubahan yang berlaku dengan proses yang perlahan, peranan pemerintah dan politik kepartian pula dilihat sebagai 'pemberi' pembangunan yang segera. Terbinanya pelbagai kemudahan infrastruktur khususnya pada tahun-tahunan 1980an dan 90an menunjukkan peranan pemerintah dan politik kepartian tidak dapat dipertikaikan lagi. Bagaimanapun kepentingan politik kepartian turut menyediakan situasi berkembangnya hubungan

"patron-client". Walaupun hubungan ini masih di peringkat yang minima di kawasan kajian, tapi keadaan ini boleh berubah berdasarkan senario politik terkini iaitu bertambah hebatnya pertarungan untuk menguasai tumpuk pemerintahan Kerajaan Negeri Sabah. Walaupun fenomena ini boleh memberikan keuntungan kepada segelintir pihak yang berkepentingan, dalam jangka masa panjang hubungan ini akhirnya merugikan semua pihak. Unsur-unsur nepotisme, rasuah, ketidakadilan dan penindasan adalah antara kesan jangka panjang hubungan ini jika dibiarkan. Kajian ini umpamanya mendapati, perlantikan ketua kampung oleh parti politik telah menyebabkan peranan dan pengaruh ketua kampung yang begitu kuat secara tradisional telah semakin berkurangan.

Walaupun sebahagian tanggungjawab ketua kampung ini boleh dijalankan oleh badan atau individu lain seperti pengurus JKJKK dan petugas agama namun keadaan ini adalah tidak sihat bagi masyarakat yang sedang bersedia menyerap lebih banyak perubahan. Pengkaji berpendapat bahawa institusi kawalan sosial tempatan seharusnya bebas daripada karenah politik kepartian. Ini akan menjamin keadilan sosial dapat dipertahankan sekurang-kurangnya di peringkat kampung. Dalam masa yang sama agen-agen perubahan mesti bijak menggarap kerjasama daripada pemimpin-pemimpin peringkat kampung agar sesuatu perubahan dapat dilakukan dengan menyeluruh. Penemuan kajian ini juga mendapati bahawa para petani lebih terbuka menerima perubahan jangka panjang yang datang daripada institusi dalaman atau sekurang-kurangnya melalui institusi ini.

Walaupun terdapat kecenderungan mereka untuk menolak perubahan, kemiskinan kaum Rungus bukanlah sesuatu yang disebabkan sepenuhnya oleh sikap dan kelalaian

mereka. Kemiskinan yang mereka alami adalah disebabkan juga oleh perubahan dan perkembangan yang berlaku di sekitar kehidupan yang berlaku di luar kawalan mereka . Pengambilan tanah oleh orang Cina dan penguatkuasaan pelbagai undang-undang penjajah (BNBC) telah menunjukkan bagaimana sejarah orang Rungus “disempowered” oleh perkembangan sekeliling mereka. Kekurangan pendidikan dan pengalaman yang terhad menyebabkan mereka tidak dapat memanipulasi perubahan tersebut sebagai satu bentuk peluang untuk meningkatkan taraf hidup mereka sesuai dengan peningkatan taraf hidup masyarakat di sekitar mereka.

Kegagalan menangani perubahan ini dengan sebaik-baiknya dan disertai pula dengan kegiatan pertanian pindah yang sama sekali tidak menjurus kepada perubahan tersebut, menyebabkan mereka semakin ketinggalan. Dalam masa yang sama pendirian yang diambil oleh agen-agen pembangunan pada umumnya cuba untuk menamatkan kegiatan pertanian pindah secepat mungkin dan bukan sebaliknya. Sebagai ganti, agen pembangunan menawarkan kegiatan ekonomi yang pada pandangan mereka lebih menguntungkan serta "environment friendly".

Usaha untuk bangkit daripada belenggu kemiskinan sesungguhnya belum terlambat bagi kaum Rungus sekurang-kurangnya kerana tiga alasan berikut;

Pertama, kedudukan mereka sebagai kaum bumiputera meletakkan mereka pada kedudukan yang kukuh untuk merebut peluang yang disediakan oleh agen-agen pembangunan, agensi dan jabatan-jabatan kerajaan. Melalui saluran yang “politicaly correct”, perkhidmatan yang disediakan boleh digunakan untuk meningkatkan taraf

hidup. Namun begitu perlu juga diingat bahawa pergantungan yang keterlaluan dengan bantuan luar hanya akan menyebabkan mereka digelar masyarakat subsidi. Nilai dan kegigihan untuk berdikari haruslah diamalkan sebagaimana semangat ini digunakan semasa membuka *tagad*.

Kedua, kesempatan untuk menyekolahkan anak-anak semakin mudah diperolehi. Pendidikan yang lebih baik akan membolehkan generasi muda menyerap perubahan dengan lebih baik. Selain daripada itu, walaupun proses menyekolahkan anak-anak merupakan satu proses yang lama dan berpanjangan, kejayaan anak itu kelak akan mendatangkan kesan bola salji (*snow ball effect*) yang mana akan memberikan inspirasi kepada anggota keluarga dan masyarakat yang lain. Meningkatnya jumlah anggota masyarakat Rungus yang berpendidikan boleh menjadi pemangkin kepada pembangunan masyarakat Rungus.

Ketiga, tidak seperti masalah kemiskinan yang yang dihadapi oleh sesetengah masyarakat di Malaysia (seperti Orang Asli dan golongan miskin di bandar); orang Rungus kebanyakannya mempunyai tanah yang luas. Tanah ini boleh menjadi aset yang amat penting untuk mereka menerima sebarang pembangunan khususnya pembangunan yang berteraskan pertanian. Melalui usaha dan kegigihan, tanah yang dahulunya terhad untuk kegunaan pertanian pindah kini boleh diusahakan dengan lebih produktif. Kelebihan memiliki tanah ini sebenarnya memberikan mereka pilihan yang banyak untuk melakukan pelbagai kegiatan ekonomi yang menguntungkan. Sebaliknya kegagalan untuk menggunakan potensi tanah ini sepenuhnya pada masa sekarang akan

menyebabkan potensi tanah ini akan berkurangan. Ini adalah akibat daripada pemecahan pemilikan tanah tersebut melalui pewarisan.

Kegiatan ekonomi pertanian pindah dalam kajian ini telah mendedahkan dilema sebuah masyarakat yang terhimpit dengan dua dunia ekonomi yang bukan sahaja berbeza malah bertentangan. Para petani di satu pihak cuba bertahan dengan meneruskan kegiatan ekonomi tradisional. Namun begitu, pengaruh ekonomi moden yang dijanakan oleh kuasa ekonomi pasaran tidak akan mampu mereka elakkan. Sebagai kesan akhirnya, para petani terpaksa menerima kenyataan bahawa bertambahnya pengaruh ekonomi moden dalam kehidupan mereka adalah sebahagian daripada tuntutan perubahan dan pembangunan.